



LENSA

USAHAWAN



Edisi 3/2016

PERCUMA

www.risda.gov.my

INFO USAHAWAN BIMBINGAN RISDA

FOKUS : USAHAWAN KRAF DAUN GETAH



PERASMIAN GALERI HEVEA

Jejak
Usahawan
Jaya



Dari Meja **KETUA PENGARANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia,

Alhamdulillah segala puji ke hadrat Illahi kerana diberi peluang sekali lagi untuk bertemu di ruangan ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada sidang Buletin "Lensa Usahawan" dan semua warga RISDA dari seluruh Negara yang sama-sama berusaha merealisasikan penerbitan ini yang penuh dengan artikel serta kisah kejayaan yang memberi manfaat kepada para usahawan pekebun kecil.

Edisi kali ini menentang mengenai usahawan kraf daun getah dan aktiviti berkaitan. Memandangkan sumber sedia ada pekebun kecil adalah pokok getah, maka usaha telah di ambil untuk memaksimumkan hasil daripada pokok getah selain daripada lateks atau susu getah sahaja, iaitu produk kraf daripada daun getah.

Sehingga kini, RISDA telah melahirkan seramai 289 orang usahawan kraf daun getah di seluruh negara. Mereka telah diberi bantuan premis dan peralatan serta latihan kemahiran untuk menghasilkan produk-produk kraf daun getah dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan keluarga. Syukur Alhamdulillah, jualan produk ini memberangsangkan dan telah mula diterima masyarakat tempatan serta mempunyai pasaran dan potensi yang baik untuk dimajukan. Pencapaian industri kraf daun getah ini mampu menjana pendapatan tambahan yang lumayan serta dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat pekebun kecil di kawasan sekitar.

Tahniah diucapkan kepada semua usahawan yang telah berjaya dalam bidang kraf daun getah yang telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga. Semoga terus berjaya sehingga mencapai ke tahap global.

Selamat Maju Jaya!
"Menjana Usahawan Global"
"Membandarkan Luar Bandar"

Hjh. Halimah Bt Abd. Kadir
(Bahagian Pembangunan Usahawan)



EDITORIAL

PENAUNG

Hj. Mohd. Najib bin A. Samad

PENASIHAT

Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin
Bin Wan Mohamad

KETUA PENGARANG

Hjh. Halimah Bt Abd. Kadir

EDITOR

Nor Elina binti Datuk Kamaruddin

SIDANG PENGARANG

Muhammad Hilmi bin Sulaiman
Jarinah binti Maarof
Mohammad Firdaus bin Zulkufi
Mohd Azman bin Hasan
Saiful Asyraffi bin Suhaimi
Nurulsyuhada binti Ahmad

JURUFOTO

Abd. Malek bin Kassim
Nurulsyuhada binti Ahmad

ISI KANDUNGAN

- 02-03 **DARI MEJA KETUA PENGARANG**
- 04-05 **GALERI HEVEA: PUSAT PROMOSI PRODUK KRAF DAUN GETAH**
- 06 **BUNGA DAUN GETAH MENJANA PENDAPATAN PEKEBUN KECIL**
- 07 **DARIPADA BARANG TERBUANG KE PENGHASILAN UNIK KRAF DAUN GETAH**
- 08 **MAK LONG BUNGA, USAHAWAN HASILAN KREATIF**
- 09 **BERSAMA MENAIKKAN INDUSTRI KRAF DAUN GETAH**
- 10 **PERUSAHAAN KRAFTANGAN DAUN GETAH BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN PEKEBUN KECIL**
- 11 **BERBAKTI KEPADA DAUN, MENAMBAH PENDAPATAN**
- 12-13 **SEIMBAS MAJLIS PERASMIAN GALERI HEVEA RISDA**
- 14 **BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN USAHAWAN KRAF DAUN GETAH**
- 15 **REZEKI DARIPADA DAUN GETAH**
- 16 **PERINTIS KRAFTANGAN BUNGA DAUN GETAH NEGERI DI BAWAH BAYU**
- 17 **KRAFTANGAN BUNGA DAUN GETAH DI LAWAS**
- 18 **KE ARAH TRANSFORMASI USAHAWAN KRAF DAUN GETAH**
- 19 **BENGKEL KEMAHIRAN INOVASI PRODUK KRAF BERASASKAN KRAF DAUN GETAH 2016**
- 20 **BENGKEL KRAF DAUN GETAH USAHAWAN BIMBINGAN RISDA NEGERI SABAH**
- 21 **SDSI KAMPUNG GAROK, SELAMA - PUSAT PENGELUARAN KRAFTANGAN DAUN GETAH**
- 22-23 **PERTANDINGAN GUBAHAN DAN DEMONSTRASI SEMPENA PERASMIAN GALERI HEVEA**



Uniquely handcrafted
from naturally processed
rubber leaves



Rubber leaves are crafted into *beautiful*
decorative gifts & souvenirs



Galeri Hevea

PUSAT PROMOSI PRODUK KRAF DAUN GETAH



Galeri Hevea di Melaka ditubuhkan untuk membangunkan industri kraf daun getah sebagai satu aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan tambahan kepada masyarakat pekebun kecil selain bergantung kepada hasil kebun. Selain untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil sekurang-kurangnya RM 1,500.00 sebulan daripada aktiviti ekonomi dengan menggunakan sumber daun getah yang sedia ada di kebun, Galeri Hevea juga adalah tempat untuk mempromosi dan memperkenalkan pelbagai produk kraf daun getah kepada orang ramai dan dapat meluaskan lagi saluran pemasaran kraf daun getah serta membuka ruang pasaran dalam industri pelancongan Negara. Bagi mengoptimumkan penggunaan pokok getah yang merupakan khazanah negara kerana getah merupakan tanaman strategik negara yang memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi Malaysia, RISDA juga ingin mengetengahkan produk kraf berasaskan daun getah sebagai produk industri hiliran komoditi getah yang mempunyai 'niche market' kerana produknya unik dan kreatif.



Sehubungan dengan itu, perasmian Galeri Hevea di Melaka telah dirasmikan pada 31 Mei 2016 yang disempurnakan oleh YB Datuk Hasan b Abdul Rahman, Exco Pertanian dan Pembagunan Usahawan Negeri Melaka. Terdapat beberapa anugerah dan penyampaian telah dibuat semasa majlis tersebut berlangsung antaranya penyampaian peruntukan Program Pembangunan Negeri Melaka 2016, Bantuan Program Groom Big, Skim Pembiayaan Pengajian Boleh Ubah (SPPBU) kepada Kolej Universiti Agrosains Malaysia, Usahawan Dinamik Negeri Melaka dan Sijil Penghargaan Usahawan Daun Getah RISDA. Hadiah kepada pemenang Pertandingan Kraf Kreatif dan Gubahan Daun Getah juga diserahkan semasa majlis perasmian tersebut.

Kini, pendapatan usahawan kraf daun getah sebulan adalah dalam lingkungan RM 500 – RM 2,000 manakala purata pendapatan mencecah RM 800 sebulan.

Bantuan yang diberi kepada usahawan kraf daun getah adalah Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) maksimum RM 20,000.00, penubuhan Pusat Pengeluaran Produk Kraf Daun Getah maksimum RM 30,000, penubuhan Pusat Pengeluaran Daun Getah Berproses maksimum RM 30,000, Penubuhan Tapak Semaian Sumber Daun Getah maksimum RM 10,000, pembekalan Mesin Inovasi (Mesin Cuci Daun Getah) dengan nilai RM 8,500, penyediaan kursus dan latihan Kemahiran Inovasi Kraf Daun Getah, bantuan Inovasi dan Penyelidikan, penyediaan Premis Pemasaran, Online Marketing, Promosi (Ekspo / Karnival / Konvokesyen / Cenderamata Korporat / Iklan) dan Penerbitan (Katalog / Direktori / Risalah / Poster / Bunting / Video)

Antara produk yang boleh dihasilkan daripada daun getah adalah seperti berikut:

GALERI HEVEA : PRODUK KRAF DAUN GETAH

KOLEKSI BUNGA HIASAN

- Gubahan Bunga
- Bunga Pilihan
- Bunga Fillers
- Handbouquet
- Daun Getah Berproses

LAIN-LAIN CENDERAMATA

- Pensil Hiasan Bunga
- Diy Kit
- Pewangi Udara
- Beg Kertas berhias
- Kad ucapan
- Bakul berhias

KOLEKSI CENDERAMATA KORPORAT

- Gubahan Bunga Dalam casing
- Jam Dinding Bunga
- Penanda Buku (Bookmark)
- Buku Nota hiasan daun
- Frame bunga
- Keychain
- Fridge magnet

KOLEKSI AKSESORI

- Klip Rambut
- Kerongsang (Brooch)
- Cekak rambut
- Handbag Holder
- Rantai/ Subang
- Handbag/ Kasut

KOLEKSI CENDERAMATA PERKAHWINAN

- Potpuri Bunga
- Bunga Manggar
- Bekas /Kotak Cenderahati
- Bunga Hantaran Perkahwinan
- Corsage/ Rosette
- Bunga Pahar/ Bunga Telur
- Bunga Pegang



Bermula nya Puan Syuhaida bt Samsudin, 42 tahun yang menetap bersama suaminya Encik Yamin bin Nyan, anak kepada seorang pekebun kecil yang dikurniakan 4 orang anak yang masih bersekolah di mana seorang telah pun berkerja sebagai anggota polis. Beliau telah mengubah corak hidup dengan mengambil langkah untuk menambahkan pendapatan keluarga. Oleh yang demikian beliau mencari idea untuk menambah pendapatan yang boleh dilakukan oleh beliau sendiri. Dengan tidak membuang masa lagi, pada tahun 2000 beliau mengambil keputusan untuk berkecimpung dalam perusahaan kraf daun getah bermula daripada daun getah untuk membuat bunga daun getah. Walaupun pada mulanya gagal, tetapi semangat yang tinggi telah mengubah cara hidup beliau di mana beliau telah dikenali sebagai seorang usahawan yang tidak pernah kenal erti putus asa.

Beliau mendapat didikan awal di Sekolah Kebangsaan Santan, Kangar dan kemudian ke Sekolah Menengah Tengku Sulaiman, Tunjong, Perlis. Walaupun dengan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia, beliau telah berjaya. Kemudian beliau telah mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Pejabat RISDA Negeri Perlis dalam bidang kraftangan daun getah. Antara kursus yang diikuti beliau ialah Bengkel Exposisi Usahawan Perlis, Program Transformasi Usahawan Berdaya Saing (MITI), Bengkel Bimbingan Teknikal Pewarnaan Daun Getah, Kursus Kraftangan Produk Daun Getah dan banyak lagi. Di samping itu, beliau juga merupakan Setiausaha bagi Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) Kg. Aman dan juga Ahli Jawatankuasa Kelab Usahawan Pekebun Kecil RISDA

Dengan semangat yang berani, beliau telah menubuhkan sebuah syarikat bernama MINDA HEVEA ENTERPRISE beralamat di KM 28, Jalan Padang Besar (Utara) Kg Aman, 02100 Perlis dengan 4 orang pekerja dan dibantu oleh suaminya bagi kerja membuat bingkai secara sampingan.

Beliau juga menyertai pameran dan expo peringkat Kebangsaan dan juga Negeri seperti Kanival Usahawan Desa, Satu Daerah Satu Industri, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan dan juga di institusi pengajian tinggi semasa upacara konvokesyen. Di samping itu, beliau juga merupakan penjujukan runcit dan juga pemborong sebagai pendapatan sampingan. Beliau telah memperolehi beberapa anugerah seperti Anugerah Kraftangan Terbaik Peringkat Kebangsaan sempena Program SDSI di MITC Melaka, Anugerah Ilham Desa tempat ke-3 Peringkat Zon Utara, Anugerah Industri Getah, Anugerah Gerai Terbaik semasa Karnival Usahawan Desa di bawah Kategori Perkhidmatan.

Produk-produk yang dihasilkan oleh beliau adalah Gubahan Bunga Daun Getah, bingkai jam / bunga daun getah, potpuri, penanda buku, keychain, hiasan dinding, hiasan / aksesori, gubahan hantaran, herba kraf daun getah dan lain-lain. Hasil daripada jualan ini beliau mampu memperolehi pendapatan RM 2,500 sebulan.

BUNGA DAUN GETAH MENJANA PENDAPATAN PEKEBUN KECIL

OLEH | BADRUL HISHAM BIN MOHAMED YUSOFF | PEJABAT RISDA NEGERI PERLIS



NAMA USAHAWAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT

SYUHaida BINTI SAMSUDIN
MINDA HEVEA ENTERPRISE
KM. 28, KG. AMAN,
JALAN PADANG BESAR,
02100 PADANG BESAR PERLIS

NOMBOR TELEFON
PENERIMA BANTUAN RISDA

012 581 6865
BANTUAN PERKUMPULAN WANITA
PEKEBUN KECIL TAHUN 2003
(KG.AMAN)

PRODUK

BUNGA FRAME, BUNGA PASU, BUNGA
TELUR, BOOKMARK

TAHUN MULA PROJEK
BILANGAN PEKERJA
PENDAPATAN TAHUNAN
PENDAPATAN BULANAN

2000
1 ORANG
RM 24,000.00
RM 2,000.00



DARIPADA BARANG TERBUANG KE PENGHASILAN UNIK KRAF DAUN GETAH

oleh | MASHITAH BINTI OMAR | PEJABAT RISDA DAERAH KULIM / BANDAR BAHARU



USAHAWAN BIMBINGAN RISDA

Siti Aishah Bt. Abdul Hamid

Mustika Flora
013 - 505 3079

227, Kg Terap, 09800 Serdang
Bandar Bahru, Kedah

Kraf Bunga Daun Getah



NAMA USAHAWAN	SITI AISHAH BINTI ABD. HAMID
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	MUSTIKA FLORA ENTERPRISE NO. 227 KAMPUNG TERAP 09800 SERDANG, KULIM KEDAH
NOMBOR TELEFON	013 505 3079
PENERIMA BANTUAN RISDA	BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2003 DAN PROGRAM PEMBUNGKUSAN TAHUN 2006
BIDANG PERUSAHAAN	KRAF DAUN GETAH
PRODUK	BUNGA FRAME, BUNGA PASU, BUNGA TELUR, BOOKMARK
TAHUN MULA PROJEK	2000
BILANGAN PEKERJA	2 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	RM 30,000.00
PENDAPATAN BULANAN	RM 2,500.00

Siti Aishah bt Abd. Hamid atau lebih dikenali dengan panggilan 'Maksu' merupakan seorang pengusaha Kraf Daun Getah yang tidak asing lagi malahan dikenali ramai. Tahun 2000 merupakan permulaan penglibatan beliau di dalam bidang kraftangan dan beliau menghasilkan bunga-bunga tiruan dengan menggunakan tin-tin minuman dan plastik serta pelbagai bahan terbuang. Memandangkan minat beliau yang terhadap kraftangan mendalam, pihak RISDA telah memperkenalkan daun getah yang diproses untuk dijadikan bunga berasaskan daun getah.

Dahulunya beliau mengutip sendiri daun getah bersama-sama 3 orang rakan sekampungnya tetapi sekarang beliau hanya membeli daripada pembekal yang menjual daun getah bagi memenuhi permintaan yang terlalu tinggi dan pada masa yang sama beliau juga telah mempunyai pekerja untuk membantunya.

Sebelum ini, sebuah bilik di rumahnya telah dijadikan pusat aktiviti untuk membuat bunga daun getah tetapi pada tahun 2003 pihak RISDA telah meluluskan bantuan di bawah Program Aktiviti Ekonomi Tambahan. Dua buah bengkel telah dibina, sebuah bengkel untuk dijadikan tempat memproses daun getah dan sebuah bengkel lagi dijadikan tempat membuat bunga daripada daun getah proses. Sehingga kini, beliau masih aktif dan memasarkan produknya melalui RISDA dan Perbadanan Kraftangan Malaysia di samping menyertai pertandingan dan pameran di dalam Negeri dan di luar Negara. Beliau juga telah mewakili RISDA di dalam pameran kraf di Negara China beberapa tahun yang lalu.

Usahnya tidak sia-sia di samping mendapat sokongan padu daripada suami tersayang. Jika dahulunya beliau menghabiskan masa setengah hari untuk menoreh getah, tetapi kini tugas menoreh hanya dipikul oleh suami beliau. Tempahan yang kian bertambah tidak mengizinkan beliau menoleh ke bidang yang lain. Jadualnya penuh saban hari di samping menghadiri pameran / jualan / promosi bersama RISDA dan Perbadanan Kraftangan Malaysia Negeri Kedah Darul Aman. Jika dahulu dahinya sering berkerut memikirkan pasaran produknya tetapi sekarang bibirnya sering mengukir senyuman yang bermakna sebagaimana kuntuman bunga yang dihasilkannya. Pendapatan beliau kian hari kian mantap justeru itu menjadi pembakar semangat untuk beliau menapak lebih jauh lagi dan meneroka lebih dalam lagi bidang kraf daun getah.

Pemilik Mustika Flora Enterprise yang pernah memenangi Anugerah Usahawan Terbaik Tahun 2015 ini amat gigih dalam menjalankan perusahaannya. Cintanya terhadap seni kreatif daun getah terbukti apabila hasil sentuhannya mendapat perhatian setiap pengunjung yang datang ke gerainya. Malah ada juga pengunjung yang datang dari luar Negara yang meminati bunga-bunga hasil gubahan beliau.

Harapan beliau agar ada generasi muda yang akan menjadi pelapis kepada beliau agar kemahiran seni kreatif yang diminati beliau tidak pupus ditelan zaman.

Mak Long Bunga Usahawan Hasilan Kreatif

oleh | **NURATIQA BT SEPOON** | PEJABAT RISDA DAERAH LARUT MATANG, SELAMA & KERIAN



NAMA USAHAWAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT

ROBITAH BT MAT NASIR
PROBITAH ENTERPRISE
KAMPUNG REDANG PANJANG,
34100 SELAMA PERAK DARUL RIDZUAN
019 542 7943

NOMBOR TELEFON
PENERIMA BANTUAN RISDA

PEMULIHAN PERGERAKAN
WANITA PEKEBUN KECIL (PWPK)

BIDANG PERUSAHAAN
PRODUK

KRAF DAUN GETAH
PELBAGAI PRODUK BERASAS
KRAF DAUN GETAH
2010

TAHUN MULA PROJEK
BILANGAN PEKERJA
PENDAPATAN TAHUNAN
PENDAPATAN BULANAN

3 ORANG
RM 36,000.00
RM 3,000.00

Puan Robitah bt Mat Nasir 59 Tahun adalah merupakan Ahli Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) Kg Bagan Baru, Ijok Perak yang terkenal dengan panggilan Mak Long Bunga. Pada tahun 1990, kraftangan bunga daun getah telah merubah kehidupan beliau sebagai suri rumah yang biasa kepada seorang usahawan. Bermula secara kecil kecilan dengan khidmat nasihat tunjuk ajar Pn Hj Shulha bt Hj Mahmod, Penolong Pegawai Pertanian RISDA Daerah Larut Matang, Selama & Kerian serta kursus bidang kraftangan anjuran RISDA telah banyak membantu Mak Long Robitah untuk mempromosikan produk beliau.

Robitah Enterprise adalah syarikat Mak Long Robitah yang menjalankan aktiviti kraftangan yang dijalankan di rumah beliau di Perumahan Awam Kg Redang Panjang 34510 Batu Kurau Perak. Bersama dengan dua orang pekerja mahir Mak Long Robitah telah mengeluarkan pelbagai kraftangan berasaskan bunga daun getah yang mampu meraih pendapatan kasar RM 4,000.00 sebulan. Produk yang sering mendapat tempahan adalah penanda buku, keychain, gubahan bunga berbingkai, pelbagai gubahan dan bunga telur dengan menggunakan daun getah. Dengan kemudahan internet yang ada, beliau juga menerima tempahan melalui maklongbunga@yahoo.com.

Produk kraftangan daun getah dengan reka bentuk semasa dan terkini dipromosi dan dipasarkan kepada Kedai Bunga dan Butik Pengantin, Karnival dan ekspo. Pemasaran Bunga Daun Getah lebih terkenal dengan adanya Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Kg Garok Selama. Program SDSI bukan sahaja mempromosikan produk daun getah tetapi memasarkan produk lain yang dikeluarkan oleh golongan wanita pekebun kecil dengan produk makanan, produk rotan yang terdiri dari peserta bantuan AET yang terdapat di daerah Selama.

Dengan kemahiran yang ada, Mak Long Robitah pernah dianugerahkan Johan dalam Pertandingan Gubahan Bunga Daun Getah tahun 2000 dan 2004 di Agrofest Negeri Perak dan Johan Pertandingan Gubahan Barangan Terbuang di Parlimen Larut pada tahun 2009. Kini, beliau dilantik menjadi Tenaga Pengajar Kraftangan dan Gubahan sekiranya ada kursus anjuran RISDA bagi melatih pelapis generasi muda luar bandar dalam bidang ini. Beliau juga berhasrat untuk membesarkan lagi perniagaan dengan membuka cawangan di tempat lain dan amat berterima kasih dengan bimbingan pihak RISDA di atas khidmat nasihat yang diberikan.



BERSAMA MENAIKKAN INDUSTRI KRAF DAUN GETAH

OLEH | NUR SHAIRAH BINTI MOHD SELAMAT | PEJABAT RISDA NEGERI MELAKA

Nama Puan Meran bt Md Yusof tidak asing lagi di Pejabat RISDA Negeri Melaka mahupun di Bahagian Pembangunan Usahawan, Ibu Pejabat RISDA kerana hasil gubahan bunga daun getah beliau adalah antara yang terbaik di peringkat RISDA. Memulakan perusahaan memproses daun getah dan gubahan bunga daun getah sejak tahun 2001 daripada hanya mengisi masa lapang yang kini aktiviti tersebut telah berjaya menjadi sumber pendapatan tetap beliau bersama-sama dengan seorang rakan Puan Kamariah bt Jamil. Aktiviti memproses daun getah dijalankan di alamat JB 611 Kampung Jus Perai, Selandar yang merupakan aktiviti Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) Kg Jus Permai pada awalnya dan berkembang menjadi sebuah perniagaan yang berjaya atas usaha dan komitmen beliau selaku Pengerusi PWPK Kg Jus Permai. Proses membuat dan memasarkan kraf bunga daun getah pula dijalankan di sebuah lot kedai yang disewa beralamat JB 5319, Taman Jus Perdana, 77500 Selandar, Melaka. Tapak lokasi terletak 20 km dari Bandar Jasin yang menjadikan tempat ini mudah dilawati oleh pelanggan.

Kraf daun getah hasil mereka amat dikenali di kalangan masyarakat Melaka dan Negeri Sembilan yang berminat untuk mendapat gubahan bunga pahar, bunga hiasan, bunga telur, gubahan untuk majlis-majlis keraian atau penyampaian cenderahati yang telah dapat memenuhi kehendak pelanggan. Tempahan produk hasil kraf daun getah akan meningkat pada musim cuti sekolah atau perayaan. Kebanyakan pelanggan yang datang dengan tujuan untuk membeli sekadar hiasan di rumah atau membuat tempahan bunga telur untuk majlis perkahwinan dan pelbagai majlis keraian yang lain. Kesemua produk dijual secara terus kepada pelanggan menggunakan sistem tunai. Selain itu, bunga kraf juga sering mendapat perhatian oleh agensi-agensi kerajaan untuk dijadikan cenderahati terutama daripada Pejabat RISDA Negeri Melaka dan Negeri Sembilan. Buat masa ini tiada pesaing (selain Usahawan Bimbingan RISDA yang menjalankan perniagaan kraf daun getah) yang signifikan dengan produk dan perkhidmatan yang diberi kerana syarikat D'Meera antara yang tunggal menjalankan perniagaan secara meluas.

Setiap pagi selepas selesai menoreh di kebun getahnya, beliau akan ke kedai untuk membuat dan menggubah bunga daun getah. Tempahan yang diterima amat menggalakkan walaupun bunga daun getah telah lama diperkenalkan di pasaran dengan kehadiran pelbagai jenis gubahan bunga terkini tetapi produk ini masih mendapat perhatian di kalangan peggemarnya dan mempunyai nilai seni yang tersendiri.

Beliau pernah menerima bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan pada tahun 2003 dan tambahan pada tahun 2016. Bertitik tolak dari situ, beliau telah mengembangkan lagi perusahaan dan bakat beliau. Di atas kepercayaan dan kesungguhan, beliau telah dilantik sebagai Pemaju Masyarakat RISDA (PMR) sejak tahun 2007 hingga kini. Tanggungjawab yang diberikan RISDA tidak disiaikan begitu sahaja. Beliau juga tidak lokek ilmu dan sering mengikuti kursus bagi menambah ilmu serta mengadakan kursus kemahiran untuk melatih generasi muda. Beliau juga sering menerima kunjungan dari pelbagai Agensi samada dari dalam atau luar negara yang berminat dengan seni kraf daun getah.

NAMA USAHAWAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT

NO. DAFTAR SYARIKAT
NOMBOR TELEFON
PENERIMA BANTUAN RISDA

BIDANG PERUSAHAAN
PRODUK

TAHUN MULA PROJEK
BILANGAN PEKERJA
PENDAPATAN TAHUNAN
PENDAPATAN BULANAN
LAIN – LAIN

MERAN BT MD YUSOF
D'MERAA ENTERPRISE
JD – 611, KG. JUS PERMAI,
77500 SELANDAR, MELAKA
MA 0142918 - T

017 394 2606 / 06 525 1990
BANTUAN AKTIVITI EKONOMI
TAMBAHAN TAHUN 2003 DAN
TAHUN 2016

KRAF BUNGA DAUN GETAH
BUNGA DAUN GETAH, BUNGA PASU,
BUNGA JAM DINDING, BUNGA TELUR,
BUNGA HANTARAN
2001

3 ORANG
RM 24,000.00
RM 2,000.00
PERKUMPULAN WANITA PEKEBUN KECIL
(PWPK) KG. JUS PERMAI – PENERUSI,
AHLI KELAB USAHAWAN PEKEBUN KECIL
RISDA SEJAK 2013, PEMAJU MASYARAKAT
RISDA SEJAK TAHUN 2007



PERUSAHAAN KRAFTANGAN DAUN GETAH

Bantu Tingkatan Pendapatan Pekebun Kecil

oleh | MOHD JARULLAH BIN CHE JAHARI | PEJABAT RISDA NEGERI PAHANG

Kejatuhan harga getah ke paras rendah amat membimbangkan golongan pekebun kecil sehingga mengamit bantuan daripada pihak kerajaan bagi meringankan beban yang ditanggung golongan ini.

Bagi Puan Rogayah bt Saat dan ahli Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) Kuala Tembeling Jerantut Pahang, perkara ini tidak membimbangkan dan menjadikan satu semangat untuk kumpulan ini bergerak lebih aktif lagi dalam mengeluarkan produk kraftangan daun getah yang menjanjikan sumber pendapatan yang agak lumayan.

Beliau yang telah lebih tiga belas tahun berkecimpung dalam bidang ini mampu menjana pendapatan daripada hasil jualan kraftangan daun getah cukup membantu beliau dan keluarga dalam menjalani hidup seharian sebagai pekebun kecil.

Bermodalkan bantuan RISDA melalui PWPK Kawasan Kuala Tembeling, beliau dan kumpulan ini telah maraih pendapatan serta kejayaan sehingga merentasi sempadan Negara dan pernah mengadakan pameran di Rabat, Morocco.

Kemahiran dan kepakaran beliau menjadi perhatian masyarakat sekeliling dan sering dijemput menjadi tenaga pengajar kepada kumpulan PWPK di sekitar daerah dan juga luar daerah.

Antara hasil kerja beliau dan ahli PWPK Kuala Tembeling ini termasuk bunga hiasan, bunga telur, bingkai gambar, penanda buku dan lain lain lagi kraftangan mengikut citarasa dan kehendak pelanggan.

Setangkai bunga dijual pada harga RM 2.50 hingga RM 10.00 mengikut bunga manakala bunga yang siap digubah dijual dengan harga RM 35.00 hingga RM 250.00 bergantung pada saiz.

Alhamdulillah. Setakat ini sambutan yang diterima amat menggalakkan dan beliau yakin produk ini mempunyai potensi yang sangat luas dan berharap kraf daun getah dapat menembusi pasaran luar Negara dan dapat dikomersilkan sehingga ke peringkat antarabangsa.



NAMA USAHAWAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT

NOMBOR TELEFON
BIDANG PERUSAHAAN
PRODUK
TAHUN MULA PROJEK
BILANGAN PEKERJA
PENDAPATAN TAHUNAN
PENDAPATAN BULANAN

ROGAYAH BT SAAT
TEMBELING HEVEA COLLECTION
NO. 56, P.A.K.R. KUALA TEMBELING,
27020, JERANTUT, PAHANG
019 978 8481
KRAF DAUN GETAH
BUNGA DAUN GETAH
1995
10 ORANG
RM 60,000.00
RM 5,000.00

Berbakti Kepada Daun, Menambah Pendapatan

OLEH | SHAHRUL HISHAM BIN MOHAMED | PEJABAT RISDA NEGERI KELANTAN



Pn Nor Hayati bt Mohd Noor adalah satu nama yang tidak asing lagi di kalangan pengusaha kraf bunga daun getah khususnya di sekitar Negeri Kelantan. Beliau yang tinggal di Kampung Pangkal Mak Wan, Machang, Kelantan adalah begitu sinonim dengan kraf bunga daun getah.

Bunga daun getah yang dihasilkan daripada daun getah terbuang merupakan satu hasil kraftangan yang sangat bernilai. Bunga daun getah ini dilihat bukan sahaja cantik, malah ianya menampakkan kreativiti yang sangat unik oleh si pembuatnya. Pn Nor Hayati Bt Mohd Noor boleh dikatakan pengasas kepada pembuatan bunga daun getah di Negeri Kelantan. Beliau mendapat sumber bekalan daun getah daripada pekebun kecil sekitar dan beliau juga ada menanam pokok getah untuk sumber daunnya di sekitar halaman rumah yang mana ia juga berdekatan dengan tempat proses pemeraman daun getah.

Pembuatan bunga daun getah ini akan melalui beberapa proses yang dilakukan oleh beliau sendiri bagi menjamin kualiti produk yang dihasilkan terutamanya dalam proses pemilihan daun getah.

Atas keprihatinan pihak RISDA, pada tahun 2016 beliau telah mendapat bantuan daripada RISDA iaitu melalui bantuan baikpulih Program Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) dan beliau mendapat peralatan seperti mesin silenger (mesin spray daun getah), almari display, cat daun pelbagai warna dan peralatan yang berkaitan dalam pembuatan kraf daun getah selain latihan dalam mengkomersilkan perusahaan bunga daun getah.

Beliau juga pernah menghadiri kursus di bawah anjuran RISDA di serata tempat bagi menambah ilmu pengetahuan serta meningkatkan daya pemasaran di kawasan sekitar dan luar Negeri Kelantan. Di samping itu juga beliau pernah mengikuti pelbagai aktiviti pameran, jualan dan promosi contohnya di MAHA, Karnival Usahawan Desa dan banyak lagi.

Dari segi pemasaran, beliau sering mendapat tempahan daripada agensi-agensi kerajaan, majlis-majlis perkahwinan, program-program anjuran pelbagai jabatan untuk dijadikan sebagai cenderahati di sekitar Negeri Kelantan dan Kuala Lumpur.

Perusahaan yang dijalankan oleh beliau boleh dianggap satu kejayaan namun setiap kejayaan ada cabaran yang perlu dihadapi oleh beliau sendiri. Justeru, dalam menghadapi cabaran sepanjang proses penghasilan kraftangan yang dijalankan ini, beliau dibantu oleh sahabatnya Pn. Sepiah dalam perusahaan bunga daun getah itu. Beliau berharap agar ada generasi yang akan menyambung hasil kraftangan yang diasaskan agar tidak luput ditelan zaman.

NAMA USAHAWAN	NOR HAYATI BT MOHD NOOR
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	KG PANGKAL MAK WAN, 18500 MACHANG, KELANTAN
NOMBOR TELEFON	016 439 5226
PENERIMA BANTUAN RISDA	PROJEK PENINGKATAN EKONOMI (PITG) TAHUN 2005
BIDANG PERUSAHAAN	KRAFTANGAN
PRODUK	BUNGA DAUN GETAH
TAHUN MULA PROJEK	2005
BILANGAN PEKERJA	1 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	RM 12,000.00
PENDAPATAN BULANAN	RM 1,000.00





IMBASAN

Majlis Perasmian GALERI HEVEA RISDA





BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN USAHAWAN KRAF DAUN GETAH

OLEH | NOR FATIMAH BT ABD GHANI | PEJABAT RISDA DAERAH MARANG / KUALA TERENGGANU

Dalam usaha untuk meneruskan kelangsungan hidup di samping status ibu tunggal bukan satu alasan untuk Puan Rukiah bt Sulaiman atau lebih dikenali dengan panggilan Che Den duduk diam dan terus mengalah. Usaha serta kegigihan dalam meneruskan liku-liku kehidupan sebagai seorang ibu tunggal yang penuh cabaran bukan mudah untuk ditempuhi.

Tekad untuk menceburkan diri dalam bidang perusahaan kraftangan bunga getah di bawah bimbingan RISDA, beliau mula bergiat aktif dan memupuk minat yang tinggi dalam bidang kraftangan bunga daun getah sebelum memohon bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) tahun 2012.

Sebelum beliau membuat permohonan bantuan AET, beliau hanya memperolehi pendapatan sekitar RM 700.00 sebulan mengikut musim. Kini beliau boleh menarik nafas lega dan berbangga kerana selepas mendapat bantuan AET dalam bentuk peralatan, pendapatan beliau melonjak sebanyak RM 1,500.00 sebulan. Melalui bantuan ini, beliau telah dapat membantu menambah pendapatan dan meringankan beban beliau dan keluarga dengan memperolehi pendapatan RM 18,000.00 setahun. Namun pendapatan akan meningkat menjelang musim cuti sekolah dan kenduri kendara.

Projek yang diusahakan oleh beliau telah mendapat sambutan yang baik di kalangan peminat gubahan bunga daun getah. Beliau juga mendapat tempahan daripada dalam dan luar Negeri Terengganu sama ada pejabat-pejabat kerajaan mahupun swasta serta mendapat tempahan untuk dijadikan cenderahati dan sebagai bunga tangan bagi majlis konvokesyen. Selain itu juga, beliau mendapat tempahan untuk dijadikan bunga telur bagi majlis kenduri kahwin dan bunga tangan pengantin. Selain itu, beliau juga sering mendapat jemputan daripada RISDA untuk menyertai gerai jualan dan pameran dan antara program yang pernah disertai ialah Karnival Usahawan Desa (KUD), MAHA dan Pesona Terengganu.

Melalui pengalaman dan kemahiran beliau dalam perniagaan telah banyak membantu dalam memudahkan beliau dalam menjalankan kerja-kerja seharian. Selain itu, dorongan daripada anak-anak dan rakan-rakan telah banyak memupuk semangat beliau dalam mengusahakan projek ini tanpa pernah putus asa. Beliau juga sering mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh RISDA bagi tujuan meningkatkan kemahiran dalam bidang kraftangan dan berhasrat untuk menambahbaik lagi hasilan produk beliau bagi meneruskan projek yang telah dijalankan ke peringkat yang lebih komersial.

NAMA USAHAWAN	RUKIAH BINTI SULAIMAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	P112 KG TOK MUCHONG, WAKAF TAPAI 21040 MARANG, TERENGGANU
NOMBOR TELEFON	013 926 3236
PENERIMA BANTUAN RISDA	BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2012
BIDANG PERUSAHAAN	KRAF DAUN GETAH
PRODUK	BUNGA DAUN GETAH
TAHUN MULA PROJEK	2010
PENDAPATAN TAHUNAN	RM 18,000.00
PENDAPATAN BULANAN	RM 1,500.00



NAMA USAHAWAN	MUNAH BT JAMIL
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	MUNAH BT JAMIL 18B, KAMPUNG MASJID LONEK, 72200, BATU KIKIR, NEGERI SEMBILAN
NOMBOR TELEFON	019 260 6670
PENERIMA BANTUAN RISDA	PROGRAM INTEGRASI TANAM SEMULA GETAH RISDA (PITG) TAHUN 2003
BIDANG PERUSAHAAN	KRAF DAUN GETAH
PRODUK	BUNGA TELUR
TAHUN MULA PROJEK	2000
BILANGAN PEKERJA	2 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	RM 15,000.00
PENDAPATAN BULANAN	RM 3,000.00



oleh | HJH NORLIJAH BT HJ HUSIN | PEJABAT RISDA NEGERI SEMBILAN

REZEKI DARIPADA DAUN GETAH



Kraftangan daun getah di Sarawak merupakan salah satu daya tarikan yang pastinya sangat sinonim dengan RISDA memandangkan setakat ini RISDA merupakan satu-satunya agensi Kerajaan di Sarawak yang memberi bantuan kemahiran dan peralatan dalam kraftangan daun getah.

Daerah Lawas yang terletak di Timur Laut Negeri Sarawak bersempadan dengan Daerah Temburong, Negara Brunei di Selatan, dan juga Sabah / Kalimantan di Utara, merupakan salah sebuah Daerah yang menjadi lokasi perusahaan aktif kraftangan daun getah di Bumi Kenyalang.

Bermula dengan modal sendiri sebanyak RM30.00 bagi membeli pewarna daun getah serta bimbingan asas daripada pegawai daripada Pejabat RISDA Bahagian Miri, kini telah hampir tiga (3) tahun Puan Damit bt. Deraman terlibat dalam perusahaan kraftangan bunga daun getah. Beliau yang juga merupakan salah seorang daripada ahli PWPK Bukit Puan, Lawas turut saling bertukar-tukar kemahiran dan kreativiti di kalangan ahli-ahli PWPK ke arah penghasilan produk kraftangan daun getah yang menarik dari semasa ke semasa.

Atas minat dan kesungguhan yang ditunjukkan, beliau telah terpilih untuk menerima bantuan berjumlah RM10,000.00 di bawah Projek Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) daripada pihak RISDA pada tahun 2015. Bantuan AET yang diterima pastinya sangat membantu Puan Damit bt. Deraman dalam mengembangkan lagi projek kraftangan daun getah.

Walaupun masih dalam kategori bertatih dalam perusahaan kraftangan daun getah ini, Puan Damit telah berjaya menjana pendapatan sampingan hasil jualan produk daun getah dengan pendapatan bulanan dari RM520 sehingga ke RM1,800 bergantung kepada permintaan. Pasaran setakat ini masih terhad di sekitar Lawas, Limbang, Negara Brunei dan juga Sipitang, Sabah.

Puan Damit amat berterima kasih kepada pihak RISDA kerana telah membuka peluang bagi penglibatan pekebun kecil getah di Sarawak dalam perusahaan kraftangan daun getah. Besar harapan beliau agar kursus-kursus kemahiran pemprosesan daun getah dapat dilaksanakan di Negeri Sarawak khususnya di Daerah Lawas bagi memberi pendedahan bukan sahaja kepada ahli-ahli PWPK di kawasan tersebut malah kepada generasi muda pekebun kecil yang lain.

Perintis Kraftangan Bunga Daun Getah Negeri Di Bawah Bayu

oleh | **MOHAMED HATTA JAMIL** | PEJABAT RISDA DAERAH KOTA KINABALU

RISDA mula memasuki Negeri Sabah seawal tahun 2009, menyahut seruan kerajaan supaya penyampaian program pembangunan di bawah RISDA mencakupi seluruh negeri di Malaysia. Seiring dengan kemajuan dan pembangunan yang dibawa RISDA ke negeri ini, aktiviti kraftangan Bunga Daun Getah mula diperkenalkan pada tahun 2011.

Merlyn Valdez dan Johana Angah, dua nama yang cukup dikenali di negeri ini dalam bidang kraftangan Bunga Daun Getah. Menerima pendedahan dan latihan seawal tahun 2012 melalui Program Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK), dua wanita ini cukup progresif dan komited dalam menghidupkan industri kraftangan Bunga Daun Getah. Merlyn Valdes, 43 tahun berasal daripada Kg. Togop, Tamparuli manakala Johana Angah, 47 tahun berasal daripada Kg. Saradan, Tenghilan. Walaupun berasal daripada dua daerah yang berbeza, kedua wanita ini sering berjumpa dan berkongsi idea dan pengalaman dalam program-program yang diatur pihak RISDA melalui kursus dan bengkel yang diadakan.

Melihat kepada usaha berterusan dan minat yang mendalam kedua wanita ini, RISDA telah memberi bantuan di bawah Program Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) kepada Merlyn Valdez pada tahun 2012 sebanyak RM10,000 dan Johana Angah pada tahun 2014 sebanyak RM10,000. Hasil daripada bantuan tersebut, kedua-dua mereka sehingga kini giat menjalankan pembuatan kraftangan Bunga Daun Getah dan sering menerima jemputan bagi pameran dan jualan di program peringkat Daerah dan Negeri. Hasil jualan daripada kraftangan Bunga Daun Getah memberikan tambahan pendapatan sebanyak RM800.00 sebulan secara purata kepada kedua wanita ini, selain daripada pendapatan hasil tanaman getah yang diusahakan. Walaupun jumlah tersebut dilihat kecil, namun mereka percaya bidang yang diusahakan ini mampu terus berkembang dan berpotensi untuk dikomersilkan.

Melalui program latihan yang diadakan saban hari, Industri kraftangan Bunga Daun Getah semakin berkembang di Negeri Di Bawah Bayu ini, dengan penglibatan lebih ramai para wanita pekebun kecil. Diharapkan, industri kraftangan Bunga Daun Getah akan terus utuh di negeri ini dan pihak RISDA dapat melahirkan lebih ramai lagi wanita seumpama Merlyn Valdez dan Johana Angah.



NAMA USAHAWAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT

NOMBOR TELEFON
PENERIMA BANTUAN RISDA

BIDANG PERUSAHAAN
TAHUN MULA PROJEK
PENDAPATAN TAHUNAN
PENDAPATAN BULANAN

MERLYN VALDEZ
NATTU HANDYCRAFT
KG. TOGOP, TAMPARULI, SABAH
011 3696 8633
BANTUAN AKTIVITI EKONOMI
TAMBAHAN TAHUN 2012
KRAF BUNGA DAUN GETAH
2012
RM 9,600.00
RM 800.00



NAMA USAHAWAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT
NOMBOR TELEFON
PENERIMA BANTUAN RISDA

BIDANG PERUSAHAAN
TAHUN MULA PROJEK
PENDAPATAN TAHUNAN
PENDAPATAN BULANAN

JOHANA ANGAH
KG. SARADAN, TENGHILAN, SABAH
019 823 7849
BANTUAN AKTIVITI EKONOMI
TAMBAHAN TAHUN 2014
KRAF BUNGA DAUN GETAH
2012
RM 9,600.00
RM 800.00





Kraftangan Bunga Daun Getah Di Lawas

OLEH | SITI HAJRAH BT MOHAMED GAUS | PEJABAT RISDA NEGERI SARAWAK

Kraftangan daun getah di Sarawak merupakan salah satu daya tarikan yang pastinya sangat sinonim dengan RISDA memandangkan setakat ini RISDA merupakan satu-satunya agensi Kerajaan di Sarawak yang memberi bantuan kemahiran dan peralatan dalam kraftangan daun getah.

Daerah Lawas yang terletak di Timur Laut Negeri Sarawak bersempadan dengan Daerah Temburong, Negara Brunei di Selatan, dan juga Sabah / Kalimantan di Utara, merupakan salah sebuah Daerah yang menjadi lokasi perusahaan aktif kraftangan daun getah di Bumi Kenyalang.

Bermula dengan modal sendiri sebanyak RM30.00 bagi membeli pewarna daun getah serta bimbingan asas daripada pegawai daripada Pejabat RISDA Bahagian Miri, kini telah hampir tiga (3) tahun Puan Damit bt. Deraman terlibat dalam perusahaan kraftangan bunga daun getah. Beliau yang juga merupakan salah seorang daripada ahli PWPB Bukit Puan, Lawas turut saling bertukar-tukar kemahiran dan kreativiti di kalangan ahli-ahli PWPB ke arah penghasilan produk kraftangan daun getah yang menarik dari semasa ke semasa.

Atas minat dan kesungguhan yang ditunjukkan, beliau telah terpilih untuk menerima bantuan berjumlah RM10,000.00 di bawah Projek Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) daripada pihak RISDA pada tahun 2015. Bantuan AET yang diterima pastinya sangat membantu Puan Damit bt. Deraman dalam mengembangkan lagi projek kraftangan daun getah.

Walaupun masih dalam kategori bertatih dalam perusahaan kraftangan daun getah ini, Puan Damit telah berjaya menjana pendapatan sampingan hasil jualan produk daun getah dengan pendapatan bulanan dari RM520 sehingga ke RM1,800 bergantung kepada permintaan. Pasaran setakat ini masih terhad di sekitar Lawas, Limbang, Negara Brunei dan juga Sipitang, Sabah.

Puan Damit amat berterima kasih kepada pihak RISDA kerana telah membuka peluang bagi penglibatan pekebun kecil getah di Sarawak dalam perusahaan kraftangan daun getah. Besar harapan beliau agar kursus-kursus kemahiran pemrosesan daun getah dapat dilaksanakan di Negeri Sarawak khususnya di Daerah Lawas bagi memberi pendedahan bukan sahaja kepada ahli-ahli PWPB di kawasan tersebut malah kepada generasi muda pekebun kecil yang lain.



NAMA USAHAWAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT

PUAN DAMIT BT. DERAMAN
PWPB BUKIT PUAN,
KPG. BUKIT PUAN, MERAPOK,
98850 LAWAS.

NOMBOR TELEFON
PENERIMA BANTUAN RISDA

019 485 8580
BANTUAN AKTIVITI EKONOMI
TAMBAHAN TAHUN 2015

BIDANG PERUSAHAAN
PRODUK
TAHUN MULA PROJEK
BILANGAN PEKERJA

KRAF DAUN GETAH
BUNGA DAUN GETAH
2013
1 ORANG (TETAP) DAN 4 ORANG AHLI
PWPB (SAMBILAN)

PENDAPATAN TAHUNAN
PENDAPATAN BULANAN

RM 8,000.00
RM 666.00



KE ARAH TRANSFORMASI USAHAWAN KRAF DAUN GETAH

OLEH | SAIFUL ASYRAFFI BIN SUHAIMI | BPU

Bertempat di Dewan Gemalasarai Ibu Pejabat RISDA telah berlangsungnya satu Perjumpaan Usahawan Kraf Daun Getah yang telah diadakan pada 28 Januari 2016 dan dihadiri oleh 100 orang usahawan kraf daun daripada 11 negeri kecuali Sabah dan Sarawak. Perjumpaan yang julung kali diadakan ini telah dipengerusikan oleh Puan HjH Halimah bt Abd Kadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan, Ibu Pejabat RISDA. Objektif perjumpaan ini adalah untuk menghimpunkan semua pengusaha kraf daun getah seluruh Malaysia dalam usaha mengaktifkan semula aktiviti perusahaan ini di peringkat lapangan. Selain daripada itu, adalah diharap dapat mewujudkan satu rantaian perniagaan dan pengetahuan di kalangan pengusaha kraf daun getah serta meluaskan jaringan perniagaan mereka.

Perjumpaan yang berlangsung selama 1 hari ini bertujuan untuk berbincang dan bertukar idea antara usahawan kraf daun getah mengenai beberapa perkara bagi tujuan penambahbaikan untuk menjana pendapatan mereka. Antara yang dibincangkan adalah penetapan kos pengeluaran produk daun getah, penyeragaman harga, produk zoning daun getah, cabaran dan permasalahan serta cadangan penambahbaikan. Semua hasil perbincangan telah menunjukkan keputusan yang sangat positif ke arah menjana pendapatan kepada pengusaha kraf daun getah yang terdiri daripada kalangan pekebun kecil.

Bagi penetapan kos pengeluaran produk daun getah, semua kos pengeluaran telah diseragamkan bermula daripada proses memetik daun sehingga produk akhir terhasil iaitu produk kraf daun getah. Pengusaha kraf daun getah juga dibahagikan mengikut kepakaran masing-masing dengan tujuan menjaga kualiti dan standard produk kraf daun getah.

Hasil daripada perjumpaan ini juga, beberapa cadangan penambahbaikan yang dibincangkan akan dilaksanakan. Semua produk daun getah ini akan dipromosikan melalui online marketing iaitu usahawanrisda.com serta di rangkaian RisSMart di seluruh negara. Pusat Bush Nursery juga akan diperluaskan dengan tujuan pengeluaran daun proses yang konsisten dan berkualiti. Bahagian Pembangunan Usahawan juga akan mengadakan bengkel asas dan kemahiran bagi tujuan penyeragaman serta kualiti produk. Selain itu, Galeri HEVEA akan dibuka di Negeri Melaka dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia bertujuan mempromosi selain jualan produk secara komersial. Perjumpaan ini telah berakhir dengan muafakat satu suara *"Ke Arah Transformasi Usahawan Kraf Daun Getah"*.



BENGKEL KEMAHIRAN INOVASI PRODUK KRAF BERASASKAN KRAF DAUN GETAH 2016

OLEH | NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN | BPU



Pada 21-24 Februari 2016 yang lalu, Unit Pembangunan Produk dan Promosi di bawah Bahagian Pembangunan Usahawan telah berjaya melaksanakan Bengkel Kemahiran Inovasi Produk kraf Berasaskan kraf Daun Getah yang telah mengumpulkan seramai 30 orang peserta kraf daun getah dan berkampung di Agrotek, Hulu Langat, Selangor. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada pemenang Pertandingan Hevea Kreatif Tahun 2014 iaitu En Liew Yong Kian, En Mohd Hawari b Saad, En Mohd Azhar b Ismail, En Mohd Yusuf b Abd Rani, Pn Irma Murni bt Ismail dan Mohd Hariri b Abdullah.

Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah untuk:

1. Membantu meningkatkan pendapatan usahawan kraf yang terlibat dalam industri kraftangan
2. Meningkatkan produktiviti dalam industri kraf dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pengeluaran kraftangan daun getah
3. Memperkenalkan produk kraf daun getah pekebum kecil kepada pelancong dalam dan luar Negara
4. Melahirkan usahawan kraf daun getah secara sepenuh masa
5. Menghasilkan produk kraf daun getah yang baru dan pelbagai serta memiliki ciri-ciri permintaan pelanggan
6. Membina dan memupuk ciri-ciri inovasi dalam penghasilan produk kraf daun getah

Antara pengisian program yang dilaksanakan secara teori dan praktikal ialah:

1. Teknik mewarna bunga daun getah
2. Pembuatan produk aksesori perkahwinan
3. Pembuatan aksesori beg tangan dan aksesori kediaman
4. Pembuatan lilin dan buku nota menggunakan daun getah
5. Pembuatan scented leaf daun getah
6. Pembuatan bunga dan jam dalam frame
7. Pembuatan bunga potpuri / fridge magnet / keychain / bookmark
8. Pembuatan pembungkusan berasaskan daun getah
9. Pembuatan produk hiasan dan aksesori berasaskan daun getah
10. Pembuatan produk Do It Yourself (DIY) Kit

Bunga Lily *Lily Flower*

Bahan-bahan
Ingredient

Daun Getah (Latex) 1/2
Bahan Lapisan (Latex) 1/2
Daun Getah (Latex) 1/2
Bahan Lapisan (Latex) 1/2
Stigma 1/2
Daun Getah (Latex) 1/2
Daun Getah (Latex) 1/2
Paku (Latex) 1/2
Gam / Glue

1 biji (Berkaitan 2 manik / 3 karpas)
4 biji (Berkaitan 2 manik / 3 karpas)
14 biji (Berkaitan 2 manik / 3 karpas)
1 biji (Berkaitan 2 manik / 3 karpas)
2 biji / 5 pieces
2 biji / 2 pieces
1 bahan / 1 set

Cara Pembuatan
Method

1. Aras stigma dan lekukan di atas karpas latex dan diwarnakan dengan warna yang diinginkan.
2. Ambil satu karpas latex dan diwarnakan di antara bahu dalam lekukan di atas karpas latex.
3. Ambil satu karpas latex dan diwarnakan dengan warna yang diinginkan.
4. Ambil stigma dan lekukan di atas karpas latex dan diwarnakan dengan warna yang diinginkan.





BENGKEL MEMPROSES DAUN GETAH & KRAFTANGAN BUNGA DAUN GETAH

RISDA NEGERI SABAH

OLEH | NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN | BPU

BENGKEL KRAF DAUN GETAH USAHAWAN BIMBINGAN RISDA NEGERI SABAH

Seramai 19 orang usahawan kraf daun getah Negeri Sabah telah menyertai Bengkel Kraf Daun Getah Usahawan Bimbingan RISDA Negeri Sabah di Kg. Kawang, Papar, Sabah pada 14 – 16 Jun 2015 yang lepas.

Peserta yang hadir adalah terdiri daripada 3 golongan iaitu yang telah mengikuti kursus bunga daun getah, peserta memproses daun dan peserta baru selain daripada peserta ganti.

Antara aktiviti pembelajaran yang telah dilaksanakan ialah lebih kepada latihan praktikal di mana semua peserta akan diajar untuk membuat bunga Bunga Fillers Cempaka, Bunga Fillers Chili dan Bunga Wired Lily. Sebelum diminta untuk menghasilkan bunga daun getah, peserta diberi tunjuk ajar kaedah melilit dawai dan membuat bunga dengan menggunakan daun getah proses yang belum diwarnakan. Kemudian peserta diajar cara mencantum daun. Selain hasil produk bunga daun getah, peserta juga diajar untuk menyediakan kraf bunga daun getah dalam frame bersama kulit kayu manis, bunga cengkih dan bunga lawang sebagai pelengkap hiasan dan sarung kusyen yang disulam tampal dengan daun getah

Lawatan ke premis usahawan yang menempatkan mesin cuci daun getah (McDG) iaitu Puan Magaret Anak Bungki daripada Kg. Menumpang, Kuala Penyu, Beaufort, Sabah juga dibuat bertujuan untuk memastikan mesin tersebut berfungsi dengan baik kerana mesin tersebut telah dibekalkan kepada beliau sejak bulan November 2014. Di situ, peserta didedahkan dengan cara mengendalikan McDG diikuti dengan proses mencuci daun yang telah direndam selama 1 bulan, proses pemutihan seterusnya menggred daun getah. Antara kelebihan McDG ialah mampu mencuci daun seberat 2 kg yang hanya mengambil masa 10 – 15 minit. Peserta juga diberi tunjuk ajar kaedah penjimatan air dan elektrik yang paling optimum semasa proses mencuci daun getah. Kebetulan terdapat tapak semeian berdekatan dengan premis usahawan, peserta juga di bawa ke tapak semeian daun getah yang dan diberi penerangan klon – klon yang terdapat di tapak semeian tersebut.

Hari seterusnya, peserta bengkel diberi tunjuk ajar teknik mewarna daun getah proses yang betul dengan menggunakan mesin pewarna (spray machine). Peserta juga diberi tunjuk ajar membuat acuan bunga, kelopak bunga, menampal daun pada dawai dan memotong. Selain praktikal semasa berbengkel, peserta juga diberi tugasan (homework) untuk mewarnakan daun proses, membuat acuan bunga, membentuk kelopak bunga dan daun.

Melalui 5 latihan amali yang telah dijalankan sepanjang tempoh bengkel berlangsung 5 peserta bengkel telah dipilih sebagai peserta terbaik iaitu Puan Yinohuman Majukut, Puan Elensey Junit, Puan Chisnil Dunguton, Puan Julianah Ambi, Cik Mariana Amil Salleh masing-masing berasal daripada Kota Belud, Sandakan dan Semporna. Pemilihan ini berdasarkan kefahaman, kecekapan, kehalusan hasil kerja tangan dan kreativiti. Keseluruhannya, semua peserta bengkel telah menunjukkan minat dan komitmen yang tinggi dalam tempoh program dilaksanakan ini.



SDSI KAMPUNG GAROK, SELAMA PUSAT PENGELUARAN KRAFTANGAN DAUN GETAH

OLEH | NURATIQA BT SEPOON | PEJABAT RISDA DAERAH LARUT MATANG, SELAMA & KERIAN

Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Kraftangan Daun Getah Kg Garok, Selama, Perak mula ditubuhkan pada tahun 2008 yang terletak di alamat Lot 5723 Kampung Garok, Mukim Selama dan dianggotai seramai 23 orang peserta yang menjalankan projek kraftangan daun dan kayu getah dan kaedah pembuatan adalah separuh moden.

Projek ini telah beroperasi secara kecil-kecilan oleh suri rumah pekebun kecil sekitar Daerah Selama. Pihak RISDA kemudiannya telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) untuk menyatukan semua peserta di bawah satu kumpulan. Pada tahun 2010, pihak RISDA melalui peruntukan KKLW telah mewujudkan projek SDSI memandangkan produk kraftangan daun getah telahpun menjadi produk utama di Daerah Larut Matang Selama yang menjadikan sektor ini memberi pulangan pendapatan yang lumayan kepada peserta khususnya pekebun kecil.

Peruntukan SDSI Kampung Garok yang diterima sebanyak RM 361,241.40 adalah daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) merangkumi bengkel kemahiran sebanyak RM 214,000.00 bagi pembelian peralatan dan mesin berjumlah RM 111,000.00, tapak semeian RTH (Kg Salak Baru / Sg Lubuk Trong dan Kg Garok Selama) bernilai RM 34,241.00 dan akhir sekali papan tanda projek bernilai RM 2,000.00. Pembinaan bengkel siap pada Mac 2009 dan mula beroperasi sepenuhnya pada November 2009.

Sehingga kini, SDSI Kampung Garok sentiasa menjadi tempat tumpuan dan lawatan dari pelbagai pengujung dan jabatan-jabatan kerajaan dan swasta. Ahli SDSI juga aktif menghadiri dan menyertai pelbagai aktiviti ekspo, karnival, pameran dan lain -lain yang berkaitan bagi memperkenalkan lagi produk mereka dari semasa ke semasa di samping dapat menimba pengalaman dan saling bertukar idea perniagaan sesama usahawan.

Di kalangan ahli juga sentiasa diberi pendedahan dan tunjuk ajar dari pihak RISDA, kursus -kursus anjuran pihak RISDA terutamanya yang banyak membantu usahawan SDSI bagi memantapkan lagi kemahiran mereka.

Kesimpulannya, dengan tertubuhnya SDSI di Kampung Garok Selama telah banyak memberi manfaat kepada usahawan SDSI dan masyarakat kampung sekitar kerana lawatan daripada pengujung dan pelancong luar memberi lebih banyak pendedahan dan sekaligus dapat mempromosi dan memperkenalkan produk hasil daripada projek SDSI Kampung Garok Selama, Perak



NAMA USAHAWAN	SDSI KAMPUNG GAROK, SELAMA
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	LOT 5723, KG GAROK MUKIM ULU SELAMA, SELAMA PERAK DARUL RIDZUAN
NOMBOR TELEFON	010- 3810050 (PUAN NORAZIAH MOHD RAZANI) 019-5429 748 (EN AZAMSAHURI MOHD DAUD) 05 - 8394082 (PEJABAT RISDA STESEN SELAMA)
PENERIMA BANTUAN RISDA	BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2015
BIDANG PERUSAHAAN	PEMBUATAN
PRODUK	KRAFTANGAN DAUN DAN KAYU GETAH
TAHUN MULA PROJEK	2008
BILANGAN PEKERJA	10 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	RM 60,000.00
PENDAPATAN BULANAN	RM 5,000.00

Pertandingan Gubahan & Demonstrasi Sempena Perasmian Galeri Hevea

OLEH | MOHD AZMAN B HASAN | BPU



Golongan wanita yang terdiri daripada isteri dan anak-anak pekebun kecil kini diperkasakan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan melalui penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan melalui Aktiviti Ekonomi Tambahan yang memberi bantuan kepada mereka untuk mengusahakan projek hiliran yang boleh menghasilkan pendapatan tambahan seperti pemprosesan daun getah untuk dijadikan bunga hiasan dan lain-lain projek yang berdaya maju.

Bersempena dengan Perasmian Galeri Hevea Selandar Melaka pada hari Sabtu, 31 Mei 2016 satu pertandingan Gubahan Bunga Daun Getah dan Kraf kreatif Daun Getah telah diadakan yang disertai oleh Usahawan Bunga Daun Getah dan penduduk kampung yang berhampiran. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada peserta pertandingan bagi menunjukkan kemahiran masing-masing menggunakan bunga daun getah dan bahan-bahan terbuang secara kreatif.

Dua kategori pertandingan telah diadakan iaitu Kategori Gubahan Bunga Daun Getah dan Kategori Kraf Kreatif Daun Getah yang disertai oleh 31 orang peserta. Penyertaan secara individu terdiri daripada usahawan yang terlibat dalam projek gubahan bunga daun getah dari seluruh Malaysia dan penduduk sekitar. Pertandingan dijalankan pada jam 11.00 pagi dan tamat pada jam 12.00 tengahari dan diadili oleh juri-juri yang berpengalaman. Pertandingan tersebut juga dimeriahkan dengan sesi demonstrasi gubahan bunga daun getah dan lukisan kreatif di atas daun getah.

Majlis penyampaian hadiah saguhati disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Ikhwani bin Sudim, Timbalan Ketua Pengarah RISDA (Pengurusan & Korporat) diiringi oleh YBhg. Prof Datuk Dr Faridah Hanam bt Abdul Rashid, Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Universiti Agrosains Malaysia dan Puan Hjh Halimah bt Abdul Kadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan manakala wakil Menteri Besar Melaka Yang Berhormat sudi untuk menyamaikan hadiah utama semasa majlis perasmian.





Hadiah yang disediakan untuk setiap kategori

- Johan : RM 500 + Sijil Penghargaan
- Naib Johan : RM 300 + Sijil Penghargaan
- Ketiga : RM 200 + Sijil Penghargaan
- 7 Hadiah Saguhati : RM 50 + Sijil Penghargaan

Senarai pemenang :

Kategori Gubahan Bunga Daun Getah

- Johan** : Pn.Norhayati Binti Osman (Johor)
- Naib Johan** : Pn.Meran Binti Md Yusoff (Melaka)
- Ketiga** : Sabariah Binti Mohamad (Pahang)

Saguhati :

- Pn.Rokiah Binti Sulaiman (Terengganu)
- Pn.Zalifah Binti Mahmud (Negeri Sembilan)
- Pn.Rogayah Binti Hj Saad (Pahang)
- Pn.Siti Rahmah Binti Ahmad (Pahang)
- Pn.Yong Fatimah Binti Harun (Perak)
- Pn.Siti Aishah Binti Abd Hamid (Kedah)
- Pn.Syuhada Binti Shamsudin (Perlis)

Kategori kraf Kreatif

- Johan** : Pn.Hamsini Binti Kaimun (Perak)
- Naib Johan** : Pn.Latifah Binti Abd Talib (Perak)
- Ketiga** : Pn.Hairisiah Binti Ali (Perlis)

Saguhati :

- Pn.Wahyunah Binti Solehudin (Pahang)
- Pn. Zainab Binti Mamat (Terengganu)
- Pn.Zabedah Binti Ahmad (Pahang)
- Pn.Rahimah Binti Abdullah (Pahang)
- Pn.Rusmina Binti Md.Isa (Pahang)
- Pn.Rohana Binti Idris (Johor)
- Pn.Saliza Binti Mohd Sharif (Negeri Sembilan)



TUAH MU DEDAUN

Hevea

*Suatu waktu dahulu
Kehadiran mu
Seakan tiada nilainya
Ada umpama tiada
Kerana dirimu dedaun biasa*

*Gugur bersepah reput sendirian
Tanpa dipedulikan tanpa simpati
Hanya menumpang berlindung
Di rimbunan pepohonan mu sendiri
Di pijak di lanyak di bumi merdeka ini*

*Kerana tika itu tiada siapa terfikir
Akan nilai dan harga diri
Milik mu sejati
Namun teknologi demi teknologi
Tercetus ilham petunjuk dari Tlahi
Akhirnya diri mu di lamar di hajati*

*Sehingga belum sempat menyembah bumi
Telah dipetik jari jemari
Kau di ulit di warnai indah berseri
Menambat hati Pencinta Seni*

*Kau dedaun Hevea kini diri mu
Bukan diri mu yang dulu lagi
Bukan hanya laluan si pacat kurus
Di kala hujan*

*Tempat mu kini
Bukan di telapak kaki
Tapi nun bertahta di persada, di Putrajaya
Dan hari ini kau di menara
Lambang kejayaan Negara tercinta
Sudah mampu tersenyum di jambangan
Menjadi penyeri hiasan*

*Unik beridentiti kemegahan agensi
Penambah rezeki itulah tuah mu
Dedaun hevea*

**NUKILAN
FADZILAH BTE AHMAD
RISDA KULIM**



UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA :

Layari website RISDA www.risda.gov.my
Hubungi Pejabat RISDA yang berdekatan
Hubungi Bahagian Pembangunan Usahawan,
Ibu Pejabat RISDA
Tel : 03-4256 4022 Faks : 03-4256 7944
Email : usahawan@risda.gov.my

ISSN 2462-1684



9 772462 168000